

**Lynas Corporation Mesti Dapatkan Kebenaran Untuk Menghantar Sisa Balik Ke Australia**  
**Bernama**  
**27 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR, 27 Mac (Bernama) -- Kerajaan Malaysia tegas dengan syaratnya supaya Lynas Corporation (Lynas Corp) mendapatkan kebenaran daripada pihak berkuasa Australia untuk menghantar sisa dari kilang nader buminya di Kuantan, kata Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Dr Maximus Ongkili.

Beliau berkata, setakat ini, Australia belum menghubungi Malaysia secara formal sama ada berhasrat untuk menolak sisa berkenaan dari loji tersebut.

"Kita telah meletakkan syarat. Jika mereka gagal berbuat demikian, mereka perlu mencari tempat lain untuk membuang sisa," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen di sini.

Kerajaan telah menetapkan lima syarat khas bagi membolehkan Lynas Corp mendapat lesen Operasi Sementara di bawah Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (AELB).

Syarat itu termasuk menentukan lokasi bagi Kemudahan Buangan Sisa Tetap (PDF).

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=655273>